

Calon Gabenor NY nyaris ditikam

Lee Zeldin diserang
ketika berkempen di
bandar Perinton

NEW YORK

Ahli Kongres Amerika Syarikat (AS), Lee Zeldin nyaris ditikam seorang lelaki emas beliau sedang berkempen menjelang pemilihan Gabenor New York pada Khamis.

Anggota Republikan dari Daerah Pertama New York itu bagaimanapun tidak mengalami sebarang kecederaan, manakala suspek berjaya ditahan serta merta di lokasi kejadian.

Zeldin dilaporkan akan bertanding satu lawan satu dengan penyandang Gabenor New York, Kathy Hochul pada pemilihan November ini.

Pejabat Sheriff Monroe County dalam satu kenyataan memaklumkan, Zeldin diserang ketika berucap di hadapan orang ramai di bandar Perinton oleh seorang lelaki yang secara tiba-tiba meluru naik ke pentas.

"Suspek dikenali sebagai David Jakubonis berusia 43 tahun. Dia membawa senjata buku lima yang tajam.



Suspek yang memakai top besbol ditahan ketika cuba menghayun senjata buku lima ke arah Lee Zeldin yang berucap di atas pentas semasa berkempen di bandar Perinton.

"Dia sempat berbisik 'riwayat anda akan tamat' sebelum menghayun tangan ke arah leher Zeldin," menurut kenyataan itu.

Rakaman insiden yang tular di media sosial menunjukkan Zeldin bergelut dengan suspek sebelum lelaki berkenaan dijatuhkan pengawal keselamatan ke tanah dan ditahan.

"Seseorang cuba menikam saya, mujurlah saya sempat menahan tangannya," ciap Zeldin di Twitter.

Zeldin merupakan sekutu yang setia kepada bekas Presiden Donald Trump.

Susulan itu, Jakubonis telah didakwa dengan cubaan menyerang tahap dua dan telah dibebaskan dengan ikat jamin.

- AFP